



PERBADANAN ASET KERETAPI
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

NOTIS REQUEST FOR INFORMATION (RFI)

TARIKH: 29 Oktober 2025

Tawaran permohonan maklumat ini terbuka kepada syarikat/operator yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan (MOF) dan memiliki Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM) yang masih sah semasa mengemukakan tawaran.

MAKLUMAT PROJEK	SYARAT-SYARAT RFI		TARIKH DAN MASA PERMOHONAN MAKLUMAT DITUTUP
Request for Information (RFI) untuk tujuan pengurusan operasi dan aktiviti komersial parkir Stesen Keretapi Rawang, Selangor	ASPEK	BUTIRAN	Pemohon perlu mematuhi syarat untuk menyertai RFI seperti berikut: I. Pemohon hendaklah mengemukakan e-mel pengesahan minat penyertaan kepada pihak RAC selewat-lewatnya pada 4 November 2025 jam 11.59 malam. II. Pemohon dikehendaki menandatangani Perjanjian Sulit (NDA) yang akan disediakan oleh pihak RAC melalui e-mel selepas pemohon mengemukakan e-mel pengesahan minat penyertaan. III. Pemohon perlu mengemukakan cadangan komprehensif yang merangkumi konsep pengurusan dan operasi, model komersial dan cadangan-cadangan seperti yang dinyatakan dalam 'Aspek Diperlukan' di sebelah. E-mel pengesahan minat penyertaan dan dokumen permohonan maklumat yang LENGKAP hendaklah dihantar ke alamat e-mel berikut: projects@rac.gov.my Sebelum atau pada 14 November 2025 (Jumaat) selewat-lewatnya jam 12.00 tengah hari.
	Skop Tugas	1. Pengurusan operasi parkir/ tempat letak kenderaan. 2. Penyenggaraan & penyelenggaraan fasiliti parkir dan kawasan sekitarnya. 3. Pengaktifan aktiviti komersial. 4. Pelaporan prestasi bulanan mengikut KPI yang ditetapkan.	
	Kelayakan Minimum	1. Syarikat berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Kementerian Kewangan (MOF). 2. Mempunyai pengalaman dalam pengurusan dan operasi parkir. 3. Berpengalaman dalam mengendalikan aktiviti komersial dan pengurusan acara. 4. Keupayaan kewangan kukuh & rekod prestasi yang stabil.	
	Aspek Diperlukan	1. Profil syarikat, pengalaman, dan senarai portfolio projek. 2. Bukti pendaftaran syarikat (SSM) dan MOF, lesen berkaitan dan lain-lain dokumen sokongan. 3. Cadangan konsep pengurusan dan pengoperasian parkir. 4. Cadangan strategi komersial (cadangan pengaktifan aktiviti komersial di kawasan parkir). 5. Cadangan perkhidmatan tambahan yang memberi manfaat kepada pengguna parkir dan RAC. 6. Cadangan kadar sewaan dan/atau model perniagaan lain.	

Maklumat taklimat dan lawatan tapak:
Tarikh: **6 November 2025 (Khamis)**
Tempat: **Perkarangan Stesen Keretapi Rawang, Selangor**

- Pemohon **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri taklimat permohonan maklumat yang ditetapkan.
- Pemohon mestilah memenuhi syarat pendaftaran yang ditetapkan untuk menyertai permohonan maklumat ini.